

Memerangi rasuah misi nasional – Najib

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI
dan SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 23 April – Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, kerajaan bertekad memerangi rasuah kerana ia adalah satu misi nasional.

Sambil menolak tanggapan sesetengah pihak kononnya kerajaan tidak serius dalam soal itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha meningkatkan integriti nasional dan membanteras rasuah bukan saja dipandang berat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tetapi juga oleh kerajaan.

“Saya ingin menegaskan di sini bahawa soal memerangi rasuah bukan agenda Perdana Menteri semata-mata. Ia misi nasio-

nal dan kerajaan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam perkara ini.

“Malah pelaksanaan lima sasaran Pelan Integriti Nasional (PIN) iaitu bagi meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam, meningkatkan tadbir urus dan etika perniagaan, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat, mengurangkan salah guna kuasa dan memantapkan institusi kekeluargaan adalah bukti usaha kerajaan dalam memerangi rasuah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan yang bertajuk *Integriti dan Tadbir Urus: Misi Nasional* pada sambutan ulang tahun ketiga Pelancaran PIN dan Penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) di sini, hari ini.

Turut hadir Setiausaha Agung Ko-

manwel, Don McKinnon; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Setiausaha Negara dan Pengerusi IIM, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan dan Presiden IIM, Datuk Dr. Mohd. Tap Salleh.

Menurut Najib, rasuah adalah ancaman dalam masyarakat demokratik.

Sekiranya ia tidak ditangani dalam jangka masa panjang, katanya, rasuah itu akan menjadi barah dan bakal melahirkan generasi pegawai yang tidak amanah serta berlakunya salah laku dalam pentadbiran yang bakal menjejaskan sistem politik, sosial, undang-undang dan pentadbiran negara.

“Akhirnya, ia akan menghalang usaha

bagi mewujudkan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri moral, etika, nilai keagamaan dan kerohanian utuh serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur,” jelasnya.

Bagaimanapun, ujar beliau, dengan pelaksanaan PIN, nampaknya masyarakat telah menunjukkan keprihatinan yang tinggi terhadap kes-kes rasuah yang berlaku dalam negara terutamanya dalam sektor awam.

“Saya juga berharap pelbagai kempen dan sokongan terutamanya agensi penguat kuasa, sektor swasta, komuniti dan pemimpin politik boleh meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan negara dalam mempromosikan integriti dan tadbir urus sebagai misi nasional,” katanya.

Um - 24/4/2007